



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN PERISIAN MULTIMEDIA INTERAKTIF PANDUAN PENGAJARAN DAN PENTAKSIRAN KSSR DUNIA MUZIK TAHUN 1

ABDUL RAHMAN BIN SAFIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
MUZIK (MOD KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PRNDIDIKAN SULTAN IDRIS**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Penggunaan ICT di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran adalah terbukti memberi banyak faedah kepada guru dan murid. Selaras dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu melestarikan pembelajaran abad ke-21, penggunaan ICT sebagai bahan bantu mengajar dapat memberi impak kepada perkembangan murid. Projek ini dijalankan untuk mereka bentuk dan membangunkan sebuah perisian multimedia interaktif yang dapat digunakan oleh guru muzik dalam pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran(PdP) serta pentaksiran bagi mata pelajaran Dunia Muzik Tahun 1. Projek ini menggunakan *Microsoft Power point 2010* sebagai perisian utama dengan gabungan beberapa perisian lain seperti *Sony Vegas 7.0*, *Adobe Audition 1.5*, *GIMP*, *Format Factory* dan *Snipping Tool*. Hasil projek ini telah menghasilkan sebuah perisian interaktif merangkumi elemen pengajaran dan pentaksiran yang dapat mengoptimalkan masa PdP dan pentaksiran dalam peruntukan waktu 30 minit. Hasil penilaian mengesahkan bahawa perisian ini dapat guru melaksanakan sesi pengajaran serta pentaksiran mata pelajaran Dunia Muzik Tahun 1 dengan lancar. Hasil kepenggunaan perisian ini diharap dapat membantu dari segi penjimatan masa guru dari segi penyediaan bahan pengajaran dan pentaksiran seterusnya dapat mencapai standard pembelajaran dan pentaksiran seperti yang dikehendaki.





ABSTRACT

The usage of technology in teaching and learning lessons are proven to be beneficial for both teachers and pupils. In line with the Malaysian Education Development Plan in enforcing the lessons of the 21st century, the use of ICT as a teaching aid can have an impact on the development of students. This project is designed and developed to build an interactive multimedia software that can be used by music teachers in the teaching and learning process (PdP) and also to be used as an assessment of the subjects of *Dunia Muzik Tahun 1*. This project uses Microsoft Power Point 2010 as the main software in combination with some software such as Sony Vegas 7.0, Adobe Audition 1.5, GIMP, Format Factory and Snipping Tool. This project has produced an interactive software combining two elements which are teaching and assessment in order to optimize the PdP and assessment within the timeframe of 30 minutes provided in each lesson. Based on the evaluation done, it has been found that this software can successfully help teachers to perform their teaching and also assessment in subject *Dunia Muzik Tahun 1* smoothly. It is hoped that the use of this software will help in terms of saving teacher's time, also minimize the time in preparing the lesson's materials and thus help to achieve the lessons and the assessment's standards as required.





KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

Perakuan.....	ii
Penghargaan.....	iv
Abstrak.....	v
Abstract.....	vi
Kandungan.....	vii
Senarai Jadual.....	xiii
Senarai Rajah.....	xiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Projek.....	3
1.3 Penyataan masalah.....	4
1.4 Tujuan Kajian.....	6



1.5 Objektif Kajian.....	6
1.6 Persoalan Kajian	7
1.7 Kepentingan Projek	7
1.8 Batasan Projek.....	8
1.9 Definisi Istilah.....	8
1.9.1 Perisian.....	8
1.9.2 Multimedia.....	8
1.9.3 Pengajaran.....	9
1.9.4 Pentaksiran.....	10
1.9.5 Interaktif.....	10
1.9.6 Dokumen Standard Prestasi.....	10
2.0 Rumusan	11



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	12
2.2 Ict dan Perisian	12
2.3 KSSR	14
2.4 Kurikulum Muzik	15
2.4.1 Objektif Kurikulum Muzik Sekolah Rendah.....	16
2.4.2 Objektif Kurikulum Muzik Tahun 1.....	16
2.5 Pentaksiran Berasaskan Sekolah.....	17
2.5.1 Pentaksiran Sekolah.....	18
2.5.2 Dokumen Standard.....	19
2.5.3 Amalan dalam Pentaksiran Sekolah.....	21
2.6 Rumusan.....	22



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan.....	23
3.2 Rekabentuk Kajian.....	24
3.3 Instrumen Kajian.....	25
3.4 Rumusan.....	26

BAB 4 MENGUMPUL, MEMPROSES DATA DAN HURAIAN PRODUK

4.1 Pengenalan.....	27
4.2 Fasa Pembangunan.....	28
4.3 Bahan Utama PMIDM.....	28
4.3.1 Koleksi Lagu dan Audio Dunia Muzik Tahun 1	31
4.4 Paparan PMIDM.....	32
4.4.1 Pautan MASUK.....	32
4.4.2 Pautan KELUAR/EXIT.....	33
4.4.3 Video Nyanyian	33
4.5 Menu Unit Pengajaran PMIDM.....	33
4.5.1 Unit Pengajaran Aktiviti Nyanyian PMIDM.....	34
4.5.2 Unit Pengajaran Aktiviti Kognitif PMIDM.....	35
4.5.3 Unit Pengajaran Pengetahuan Alat Muzik PMIDM.....	36
4.6 Rancangan Pengajaran Dunia Muzik Tahun 1.....	37
4.7 Pentaksiran Pengajaran Dunia Muzik Tahun 1.....	39



4.8 Analisa Dapatan Temubual.....	42
4.8.1 Pengalaman Sebagai Guru Muzik Tahun 1 dan Guru ICT.....	43
4.8.2 Elemen Multimedia Dalam PMIDM.....	44
4.8.3 Perisian yang Dibangunkan Bersifat Interaktif dan Mesra Pengguna ...	45
4.8.4 PMIDM Dapat Membantu PdP.....	46
4.8.5 PMIDM Dapat Membantu Menjalankan Pentaksiran.....	47
4.8.6 Kelemahan dan Penambahbaikan Terhadap PMIDM.....	48
4.9 Rumusan.....	49

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	50
5.2 Ringkasan Produk.....	50
5.3 Fungsi Produk.....	51
5.4 Sasaran Pengguna.....	52
5.5 Kekuatan dan Kelemahan.....	52
5.5.1 Kekuatan.....	52
5.5.2 Kelemahan.....	53
5.6 Cadangan.....	53
5.7 Rumusan.....	54



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

RUJUKAN.....55

INSTRUMEN KAJIAN.....56



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
Jadual 2.1	Komponen PBS.....18
Jadual 2.2	Dokumen Standard Prestasi Dunia Muzik Tahun 1.....20
Jadual 3.1	Insrumen Kajian.....26
Jadual 4.1	Latar Belakang Responden.....42

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
Rajah 3.1	Prosedur reka bentuk PMIDM.....25
Rajah 4.1	Panduan Pengajaran Dunia Muzik Tahun 1.....29
Rajah 4.1.1	Lirik dan skor lagu Panduan Pengajaran Dunia Muzik Tahun 1.....30
Rajah 4.1.2	Panduan Pengajaran Dunia Muzik Tahun 1.....30
Rajah 4.1.3	Pentaksiran Panduan Pengajaran Dunia Muzik Tahun 1.....31
Rajah 4.2	Paparan utama PMIDM.....32
Rajah 4.3	Paparan unit pengajaran PMIDM.....33
Rajah 4.4	Paparan pengajaran aktiviti nyanyian PMIDM.....34
Rajah 4.4.1	Paparan skor lagu Selamat Pagi Unit 1 PMIDM.....35
Rajah 4.5	Paparan pengajaran aktiviti kognitif PMIDM.....36
Rajah 4.6	Paparan pengajaran tentang alat muzik PMIDM.....37
Rajah 4.7	Rancangan Pengajaran Harian PMIDM.....38
Rajah 4.7.1	Pautan Rancangan Pengajaran Harian PMIDM.....38
Rajah 4.8	Menu akses Pentaksiran.....39

Rajah 4.8.1	Paparan Pentaksiran.....	40
Rajah 4.8.2	Borang perekodan perkembangan murid.....	41
Rajah 4.8.3	Rumusan sumatif pentaksiran murid.....	41

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penggunaan kemudahan ICT seperti komputer di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilihat dapat memberi kesan terhadap perkembangan pendidikan. Pengajaran yang menggunakan aplikasi perisian komputer di dalam proses PdP telah terbukti dapat memberi impak kepada pelajar khususnya. Ini dibuktikan dengan pelbagai kajian tentang keberkesanan menggunakan multimedia interaktif terhadap pelajar. Nor Azan, Halimah & Shahrul Azman. (2009) menyatakan bahawa penggunaan perisian multimedia interaktif dapat meningkatkan pencapaian pelajar dan meningkatkan motivasi mereka terhadap mata pelajaran yang dikaji.

Perkembangan ICT memberikan cabaran besar terhadap profesion keguruan.

Pelajar dan guru khususnya perlu bersedia meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka bagi menjadikan komputer sebagai teknologi pengajaran dan pembelajaran menggantikan pendekatan konvensional yang kurang berasaskan inovasi teknologi. Untuk menerajui pendidikan pada masa hadapan, setiap guru dan pelajar perlu memahirkan diri dengan ICT. Strategi meningkatkan penggunaan ICT di sekolah bergantung kepada kemampuan pengetua dan guru-guru mengaplikasikannya. Oleh itu, setiap guru perlu menguasai kemahiran ICT. Keterampilan dalam ICT adalah satu kriteria penting dalam sistem pendidikan abad ke - 21.

Menggunakan ICT secara terancang dan bersesuaian dengan keperluan dalam pembelajaran bukan sahaja berupaya meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap pelajaran, tetapi juga dapat menjadi medium penyampaian ilmu yang menarik dan menyeronokkan. Penggunaan ICT juga memberi peluang pembelajaran yang sama kepada semua pelajar yang pelbagai keupayaan dan seterusnya meningkatkan motivasi pelajar. (Joseph Anjuman & Wan Rozali, 2013)

Pengajaran yang menerapkan aplikasi ICT banyak memberi kesan yang baik kepada murid-murid khususnya yang di sekolah rendah. Menurut Joseph Anjuman & Wan Rozali (2013), penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan hasil pembelajaran. Hal ini kerana guru dapat membuat persiapan dan bersedia dengan lebih awal dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui cara ini guru dapat mencari maklumat-maklumat berkenaan dengan pengajaran dengan lebih baik seterusnya dapat menyampaikan kepada pelajar secara berkesan.

Melalui penggunaan alat ICT sebagai alat bantu mengajar maka proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih menarik dan berkesan malah menjimatkan masa bagi hal penyediaan bahan pengajaran , contohnya menggunakan alat seperti *power point, flash, video, visual* dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru dengan kaedah ini, proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih mudah, ringkas dan padat kerana pelajar akan didedahkan dengan gambaran dan persembahan menarik serta mudah untuk di fahami. Justeru, pelajar tidak akan mudah merasa jemu dan bosan dalam menjalani proses pengajaran dan pembelajaran kerana tertarik dengan gaya persembahan yang ditunjukkan melalui ICT. (Jamalludian Harun & Zaidatun Tasir, 2003).

1.2 Latar Belakang Projek

Projek “Pembangunan dan pengujian Perisian Multimedia Interaktif Panduan Pengajaran dan Pentaksiran KSSR Dunia Muzik Tahun 1” (PMIDM) adalah satu usaha untuk membantu guru mata pelajaran muzik tahun 1 menjalankan pengajaran dan pentaksiran dengan lancar dalam masa yang diperuntukkan iaitu 30 minit. Guru muzik boleh menggunakan perisian ini sebagai alat bantu mengajar di dalam kelas kerana ia merangkumi aspek pengajaran dan pentaksiran menggunakan satu medium yang sama.

Pembangunan perisian ini dibangunkan dengan mengambil sumber-sumber serta bahan-bahan yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) iaitu Modul Pengajaran Dunia Muzik Tahun 1 (MPDM). MPDM yang dibangunkan BPK adalah bertujuan bagi membantu guru muzik dalam melaksanakan pengajaran dan

pembelajaran seperti yang dihasratkan dalam Dokumen Standard Kurikulum Muzik Tahun 1. Modul yang disediakan oleh BPK adalah dalam bentuk buku panduan dan disertakan dengan CD Audio. Bahan yang terkandung di dalam modul ini akan digunakan sebagai sumber utama dalam pembinaan perisian ini kerana ia menepati Standard Kurikulum Muzik Tahun 1.

Bagi tujuan pentaksiran, guru boleh menggunakan perisian ini untuk merekod perkembangan murid sepanjang tahun. Perisian ini turut menyediakan pautan tapak perekodan perkembangan murid yang boleh diisi tanpa menggunakan perisian berasingan.

Perisian yang dibangunkan ini dapat memberi sumbangan dalam membantu guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran dengan mudah dan cepat. Masa pengajaran 30 minit yang diperuntukkan dapat digunakan secara optima oleh guru muzik dengan menggunakan perisian lengkap ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Mata pelajaran Pendidikan Muzik dan Dunia Muzik di dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah telah diperuntukkan masa pengajaran sebanyak 30 minit seminggu berbanding 60 minit sebelum ini. Kesuntukan masa bersama murid menyebabkan guru mempunyai masa yang terhad dalam proses PdP. Selain itu, guru juga menghadapi masalah dalam melakukan pentaksiran PBS pada waktu PdP. Laporan penilaian perlu dihantar mengikut tempoh yang ditetapkan maka akan timbul isu dari segi kesahan terhadap laporan penilaian bagi guru yang tidak sempat menyelesaikan

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mula diperkenalkan di sekolah rendah pada tahun 2011. PBS merupakan sebuah bentuk pentaksiran yang ditambah baik dari sistem pentaksiran sedia ada. Selaras dengan transformasi yang dilakukan, maka Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah telah ditambah baik dengan Kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Justeru itu kurikulum sekolah rendah dan menengah juga telah ditambah baik kepada kurikulum yang baru. Mata pelajaran Pendidikan Muzik telah menerima impak hasil dari pembaharuan kurikulum KBSR kepada KSSR diantaranya ialah masa mengajar telah dikurangkan dari 60 minit ke 30 minit seminggu. Masa yang diperuntukkan bagi mata pelajaran 30 minit seminggu terlalu pendek bagi melaksanakan PdP dan pentaksiran yang berkesan.

Bagi mengatasi masalah ini penggunaan multimedia interaktif yang merangkumi elemen pengajaran dan pentaksiran boleh dilaksanakan dalam waktu pengajaran pendidikan muzik. Menurut Hick.S (1997) penggunaan media interaktif sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dapat menjimatkan masa serta membantu dari segi keberkesanan pengajaran. Berdasarkan kajian-kajian lepas, kaedah pengajaran berbantuan komputer mempunyai kelebihan berbanding kaedah konvensional. Ini dikukuhkan dengan kajian oleh Mohd Aris (2007) di mana beliau mendapati kaedah pengajaran berpanduan komputer dapat memberi kesan positif terhadap perkembangan pencapaian pelajar di bandar serta luar bandar.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah membekalkan Panduan Pengajaran Dunia Muzik Tahap 1 ke semua sekolah untuk kegunaan guru. Bahan yang dibekalkan adalah lagu dan rancangan pengajaran dalam bentuk buku dan digital (pdf). Kebanyakan bahan multimedia dalam bentuk CD dan DVD yang ada di pasaran bagi subjek pendidikan muzik adalah tidak lengkap, mahal dan sukar didapati. Contoh

bahan multimedia bagi subjek muzik yang ada di pasaran adalah tidak interaktif di mana kebanyakan bahan adalah dalam bentuk pdf “*read only*”. Maka dengan terhasilnya multimedia interaktif panduan pengajaran dan pentaksiran muzik ini akan dapat membantu guru melaksanakan pengajaran yang berkesan secara interaktif dan memudahkan guru melaksanakan PdP dan pentaksiran.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk menghasilkan sebuah perisian multimedia interaktif bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran mata pelajaran Dunia Muzik Tahun 1.

1.5 Objektif Kajian

Pembinaan “Pembangunan dan pengujian Perisian Multimedia Interaktif Panduan Pengajaran dan Pentaksiran Dunia Muzik Tahun 1” adalah berdasarkan objektif yang ditetapkan seperti berikut:

1. Membina perisian Multimedia Interaktif Panduan Pengajaran dan Pentaksiran KSSR Dunia Muzik Tahun 1.
2. Membuat penilaian ke atas Produk Multimedia Interaktif Panduan Pengajaran dan Pentaksiran KSSR Dunia Muzik Tahun 1.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan yang berikut:

1. Bagaimana membina Perisian Multimedia Interaktif Panduan Pengajaran dan Pentaksiran KSSR Dunia Muzik Tahun 1?
2. Sejauh mana perisian Multimedia Interaktif Panduan Pengajaran dan Pentaksiran KSSR Dunia Muzik Tahun 1 dapat membantu guru di dalam PdP dan pentaksiran di dalam waktu pengajaran?

1.7 Kepentingan Projek

Hasil dapatan projek ini telah berjaya menghasilkan sebuah perisian berbentuk multimedia interaktif yang boleh membantu guru-guru muzik dalam melaksanakan PdP dan pentaksiran yang berkesan dalam waktu pengajaran. Ia merangkumi segala aspek pengajaran dan pentaksiran mengikut panduan pengajaran dan pentaksiran yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Perisian ini boleh dijadikan salah satu bahan bantu mengajar guru dalam mengaplikasikan penggunaan ICT di dalam kelas selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melestarikan Pembelajaran Abad ke-21 di sekolah. Elemen interaktif yang terkandung juga dapat memainkan peranan sebagai daya penarik kepada murid dan seterusnya dapat menguasai objektif atau standard pembelajaran.

1.8 Batasan Projek

Projek ini dibataskan oleh dua aspek utama iaitu kandungan PdP dan pentaksiran. Bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan adalah terdiri daripada sumber yang diambil berdasarkan Modul Pengajaran Dunia Muzik Tahun 1(MPDM) sahaja. Koleksi lagu dan latihan yang terdapat dalam perisian ini adalah sama dengan kandungan MPDM tahun 1. Modul pentaksiran juga dibuat bersesuaian dengan aras murid tahun 1 dan berpandukan kepada Dokumen Standard Dunia Muzik tahun 1.

1.9 Definisi Istilah

1.9.1 Perisian

Merupakan suruhan atau pernyataan berbentuk digital, apabila dilakukan dalam suatu komputer, menyebabkan komputer itu melaksanakan suatu fungsi. Contoh perisian aplikasi atau perisian sistem seperti sistem pengoperasian, sistem pangkalan data, perisian sistem rangkaian, atau aplikasi pejabat yang menyediakan kemudahan pemprosesan maklumat.

(Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi USM, 2015 p.05)

1.9.2 Multimedia

Media merujuk kepada alat perantara komunikasi yang menghubungkan sesuatu sumber kepada sasarannya. Media juga dapat membantu manusia untuk menerima, menafsir atau dan menikmati kejadian di dalam persekitaran dengan lebih jelas. Terdapat pelbagai jenis media, antaranya ialah media cetak, media massadan media

elektronik. Media cetak merupakan bahan yang dicetak atau ditulis maklumat di atasnya sebagai penyampai maklumat kepada orang ramai.

Multimedia adalah integrasi, gabungan dan persembahan secara teratur yang diasaskan pada platform sistem komputer peribadi. Sistem komputer peribadi inilah yang mengawal pelbagai jenis data media. Data media ini adalah merupakan elemen-elemen teks, grafik, audio, imej kaku, video dan animasi dalam satu atau lebih kombinasi. *"Integration of multiple media elements (audio, video, graphics, text, animation, etc.) into one synergetic and symbiotic whole that results in more benefits for the end user than any one of the media elements can provide individually"* (Reddi, 2003).

1.9.3 Pengajaran

Menurut Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah, (2003), pengajaran adalah satu proses penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar. Ia meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian. Pengajaran juga boleh diuraikan sebagai satu cara untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berfungsi dengan baik. Faktor terpenting dalam pengajaran ialah guru perlu menilai keperluan-keperluan pembelajaran yang spesifik dan mengaplikasi strategi-strategi serta aktiviti-aktiviti yang sesuai untuk pelajar.

Pengajaran sebagai organisasi yang dirancang dan diolah oleh guru untuk menyampaikan pemahaman tentang maklumat atau pengetahuan tertentu kepada

pelajarnya dalam suasana yang dipanggil bilik darjah.

1.9.4 Pentaksiran

Pentaksiran merupakan satu proses mendapatkan maklumat dan seterusnya membuat penghakiman serta pertimbangan tentang produk sesuatu proses pendidikan. Pentaksiran merupakan satu proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, memberi skor dan menginterpretasi maklumat tentang pembelajaran seseorang pelajar bagi sesuatu tujuan (Lembaga peperiksaan Malaysia, 2014). Pentaksiran juga merupakan satu proses untuk mendapatkan gambaran tentang prestasi pembelajaran seseorang pelajar dalam sesuatu subjek atau aktiviti pembelajaran. Aktiviti pentaksiran dijalankan secara berterusan.

1.9.5 Interaktif

Menurut Kamus Dewan (2015), Interaktif ditakrifkan sebagai saling bertindak, berhubung dan sebagainya antara satu sama lain: Berbagai-bagai maklumat diberikan termasuklah maklumat membolehkan pengaliran maklumat dua hala yang berterusan antara komputer dengan penggunaanya, atau antara pengguna dengan pengguna melalui komputer.

1.9.6 Dokumen Standard Prestasi

Dokumen Standard Prestasi bagi mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina sebagai panduan untuk guru menambahbaik Pentaksiran Sekolah sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

2.0 Rumusan

Secara keseluruhannya bab pengenalan ini menghuraikan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi atau istilah. Dapatan kajian ini adalah diharapkan dapat menghasilkan sebuah perisian yang dapat digunakan oleh guru muzik bagi membantu PdP dan pentaksiran bagi mata pelajaran muzik tahun 1.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang tinjauan literatur yang berkaitan dengan tajuk kajian. Skop pembacaan difokuskan kepada beberapa bahagian utama iaitu tentang ICT dan perisian multimedia, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), kurikulum muzik dan amalan terbaik melaksanakan PBS di sekolah.

2.2 ICT dan Perisian

Perisian multimedia boleh diperihalkan sebagai sebuah medium komunikasi yang menggunakan komputer sebagai peranti utama dalam tujuan penyampaian maklumat.